

# Terjerat dek 'bayaran lain' yang amat membebankan

12 Nov 2014

Berita Harian

RAMAI penghutang terjerat dalam masalah hutang berat kerana terpaksa melunaskan beberapa 'bayaran lain' dan dek tempoh bayaran yang tidak dijangka mereka.

Antara bayaran lain itu ialah denda kerana lewat membayar ansuran hutang dan tempoh bayaran mingguan yang dikenakan firma pemiutang.

Demikian menurut penasihat Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Sani Hamid.

"Kebanyakan penghutang yang saya ketahui terperangkap dalam masalah hutang bukan kerana kadar faedah pinjaman itu tetapi bayaran penalti yang mereka tidak tahu kerana lewat buat bayaran," kata beliau.

Beliau memberi contoh seseorang yang meminjam \$2,000 daripada firma pemiutang dikenakan denda faedah sekitar 10 peratus seminggu jika gagal membayar ansuran hutang tepat pada waktu.

Beliau juga dikenakan denda sekali sebanyak \$1,000.

Jadi, jika gagal membayar ansuran hutang seminggu, beliau perlu membayar \$200 bagi denda faedah dan \$1,000 bagi denda sekali, menjadikan dendanya sebanyak \$1,200 seminggu.

Jika terlewat membayar empat minggu, bayaran itu melonjak kepada \$4,800.

Ini belum termasuk kadar faedah tinggi yang dikenakan firma pemiutang.

Menurut Encik Sani, penghutang juga tidak sedar bahawa mereka perlu membayar hutang secara mingguan dan bukan bulanan.

"Ia tidak selari dengan kemampuan mereka kerana gaji mereka masuk setiap bulan, bukan setiap minggu.

"Disebabkan itu, ramai penghutang terpaksa membuat pinjaman baru daripada pemiutang lain bagi melunas pinjaman asal, dan kitaran ini akan menjebak peminjam ke dalam lingkaran hutang," kata beliau.

Oleh itu, Encik Sani menyambut baik saranan awal jawatankuasa yang dibentuk pemerintah bagi menyemak undang-undang bagi firma pemiutang agar penghutang membuat bayaran secara bulanan dan bukan mingguan.

Namun, beliau berkata penguatkuasaan lebih ketat perlu dilaksana khususnya ke atas firma yang menggunakan taktik kasar, sebagaimana dilakukan tailong, bagi mendapatkan bayaran daripada penghutang.

Bagi yang mempunyai hutang, Encik Sani menasihatkan mereka supaya menepati jadual bayaran pinjaman.

"Elak meminjam daripada pemiutang berlainan. Jika anda mendapati 50 peratus pendapatan anda digunakan untuk membayar hutang, anda tergolong dalam penghutang berisiko tinggi yang perlukan bantuan.

"Jika anda tidak mendapatkan bantuan bagi mengurangkan beban hutang, anda boleh menghadapi keadaan di mana semua pendapatan anda digunakan untuk bayar hutang," kata Encik Sani.

Antara lain, penghutang bermasalah boleh mendapatkan nasihat di DAC.